

JUDI MENURUT UNDANG-UNDANG : ISU DAN CABARAN

Haji Mahamad Naser bin Disa¹

Abstrak

Kertas kerja ini akan membincangkan kedudukan Judi menurut hukum Syarak dan undang-undang secara umum di negara ini. Selain itu, penulis akan mengetengahkan dan mengupas secara terperinci isu-isu berkaitan judi dan cabaran yang dihadapi dari sudut undang-undang. Selanjutnya, suatu penelitian dibuat terhadap beberapa peruntukan undang-undang yang sedia ada berhubung isu yang timbul. Seterusnya, penulis antara lainnya turut menbentangkan beberapa cadangan untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit dan cabaran perundangan yang dihadapi.

Pendahuluan

Walaupun sejarah perjudian tidak dapat dikenal pasti dengan tepat, namun perjudian bukanlah suatu aktiviti yang baru bagi umat manusia. Walaupun masyarakat China telah dikatakan antara yang terawal dikesan terlibat dalam aktiviti perjudian iaitu lebih kurang 2300 tahun BC, tetapi kegiatan perjudian dalam pelbagai bentuk boleh dikatakan wujud dalam setiap sejarah tamadun manusia sejak dari Greek purba dan Rom hingga ke zaman Napoleon dan raja-raja di England. Boleh dikatakan semuanya diwarnai dengan hiburan berasaskan permainan yang bersandarkan kepada nasib ini.

Di kalangan masyarakat Arab, ia telah bermula sejak sebelum zaman jahilliyah lagi apabila kaum lelaki menjadikan harta atau isterinya sebagai suatu pertaruhan dalam perjudian. Selain itu, terdapat juga permainan yang menggunakan kad yang dibuat daripada potongan kayu. Setelah digoncangkan kayu-kayu tersebut dan sesiapa yang mendapat kayu kosong dikehendaki membayar harga unta yang mereka potong. Terdapat juga raja-raja dan pembesar zaman feudal yang menjadikan kawasan tanah jajahan takluk atau tanah ladang mereka sebagai pertaruhan dalam perjudian hingga menyebabkan kawasan tanah jajahan atau tanah ladang mereka terlepas ke tangan orang lain akibat dari ketagihan judi yang menggila.

¹ Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Syariah), Jabatan Peguam Negara

Dalam zaman sekarang yang serba canggih dan moden, perjudian hanya perlu dilakukan dengan mempertaruhkan wang menggunakan hujung jari sahaja iaitu melalui “satu klik”, keuntungan yang berlipat kali ganda akan diperolehi jika pertaruhan tersebut mengena, sebaliknya pemain akan papa kedana jika ia tidak “menjadi”. Aktiviti perjudian yang semakin mudah dan rancak dijalankan di mana-mana sahaja dengan bantuan alat-alat kemudahan yang berteknologi tinggi pada masa kini seperti internet, mesin slot dan lain-lain telah mengundang perhatian sindiket judi dan kaki judi untuk memenuhi sifat tamak haloba untuk meraih kekayaan cepat.

Sebagaimana yang berlaku pada zaman silam, judi masih dianggap sebagai kegiatan berprestij yang menular bukan sahaja di kalangan golongan atasan yang berada malah juga di kalangan golongan bawahan yang melarat dan papa kedana. Pusat-pusat perjudian yang ternama di dunia menjadi idaman para kaki judi sehinggakan seseorang yang kalah judi berjuta dolar dalam masa singkat satu malam atau satu hari dipandang hebat dan bergaya. Antara kasino-kasino ternama di dunia pada masa kini adalah Macao, Las Vegas, Singapore, France, Atlantic City, USA, Monte Carlo, Genting dan berbagai lagi. Walau pun dalam banyak keadaan ketagihan judi menjadi faktor keruntuhan peribadi, keluarga, masyarakat, politik dan Negara, namun sikap tamak haloba berlebihan kepada kekayaan harta benda boleh membawa mala petaka besar kepada sosio-ekonomi masyarakat dan Negara.

Situasi ini memperlihatkan usaha Kerajaan untuk memenuhi kehendak dan “hak” sebilangan kaum yang bukan Islam ini seolah-olah menjadi barah yang akhirnya merosakkan masyarakat dan Negara pula. Namun, melihat dari aspek lain pula, tindakan pihak kerajaan membenarkan sebahagian aktiviti judi dengan menetapkan kadar cukai tertentu telah menjadikan aktiviti judi sebagai suatu industri yang menjana pendapatan negara dan memberi pulangan yang lumayan sebagai contoh hasil kutipan cukai daripada syarikat perjudian pada tahun 2008 adalah sebanyak RM2.37 billion. Adakah pendapatan lumayan dari industri ini telah meng”halal”kan kegiatan perjudian di sebuah Negara yang menjadikan Islam sebagai Agama Negara?

Judi Menurut Hukum Syarak dan Agama-agama lain

Hanya tamadun Islam yang mampu mengawal kegiatan perjudian kerana ia merupakan suatu perbuatan yang haram yang disifatkan oleh Allah s.w.t sebagai aktiviti syaitan dalam firmanNya

di dalam Surah Al-Maidah:90. Sehubungan dengan itu, segala aktiviti yang melibatkan segala bentuk perjudian sama ada loteri, tikam, mesin slot/jackpot atau seumpamanya adalah suatu perjudian yang diharamkan dan berdosa besar di sisi Islam. Ini adalah selaras dengan firman Allah s.w.t di dalam Surah Al-Baqarah:219 yang berbunyi seperti yang berikut:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا²

“Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah: Pada keduanya itu , terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya”(Al-Baqarah:219)

Seterusnya Allah s.w.t. menegaskan :-

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi dan (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan Syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.”(Al-Maidah:90)

Seterusnya, kegiatan judi ini juga disifatkan sebagai suatu kegiatan yang buruk dan keji dalam ajaran-ajaran agama lain yang dipraktikkan di negara ini seperti agama Budha, Kristian dan Yahudi. Menurut ajaran lama Budha Hinayana perjudian adalah dilarang secara jelas. Manakala dalam ajaran baru Budha Mahayana, perjudian adalah tidak dilarang tetapi memberi amaran keras bagi yang mempertaruhkan wang dan mengabaikan tanggungjawab keluarga sehingga hilang wang pertaruhan dan sumber mata pencarian.²

Bagi ajaran Kristian pula, amaran tentang perbuatan judi dinyatakan kepada penganutnya yang mencari kekayaan secara cepat dan cintakan wang seperti yang disebut di dalam Timothy 6:10³

² Sila lihat Kitab Budha Hinayana yang mengandungi lima (5) larangan kepada penganut Budha iaitu; " membunuh, mencuri, menipu, berzina, meminum alkohol dan berjudi" Selain itu, dalam kisah "*Gambler's Lamen-Ratapan Si Penjudi*" sebagai pengajaran apabila seorang penjudi yang kalah wang taruhan menyebabkan dia kehilangan anak dan isteri. Manakala, dalam kitab Budha Tipitaka pula ada menceritakan enam perkara bahaya akibat judi: Pertama bagi yang menang akan mengundang kebencian, kedua bagi yang kalah akan tertekan kerana kehilangan wang, ketiga tidak ada perkataan yang boleh digunakan untuk pembelaannya di mahkamah, keempat dia akan dijauhi oleh rakan dan keluarga, kelima dia akan susah untuk menemui jodoh kerana tiada yang mahu bersuamikan si penjudi dan keenam mencari kekayaan atas pertaruhan menyebabkan kesengsaraan kepada orang lain (yang kalah)

³ "Bagi mereka yang mencintakan wang ia adalah punca bagi segala kejahatan. Bagi mereka yang terlalu taksud berlumba mendapatkan wang dan mengabaikan tanggungjawab agama, seolah dia mencucuk dirinya dengan kesedihan di kemudian hari". (Timothy 6:10)

dan Hebrew 13:5.⁴ Sememangnya tidak dinafikan bahawa majoriti gereja bersepakat menyatakan keburukan judi, namun terdapat sebahagian yang membenarkan loteri kebajikan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan juga aktiviti judi 'Bingo' sebagai aktiviti rekreasi yang popular di kalangan warga pesara. Walau bagaimanapun, majoriti gereja menolak penubuhan pusat judi secara besaran seperti kasino atas dasar 'melampau'. Manakala gereja Prebysterian menolak terus segala bentuk judi termasuk loteri kerana ia mengambil wang dari golongan miskin dan berpendapatan rendah, yang mengharapkan hadiah lumayan.

Berbeza keadaannya pula bagi penganut agama Yahudi di mana pemimpin agama Yahudi menetapkan aktiviti judi dibenarkan semasa perayaan Hannukah sahaja sebagai satu bentuk hiburan di musim perayaan.

Judi dan Hak Kebebasan Asasi

Wacana tentang kegiatan perjudian tidak dapat lari dari membincangkan tentang sistem nilai dan moral sesuatu masyarakat dan Negara. Persoalannya, jika sekiranya kegiatan perjudian mampu menjana pendapatan Negara sama ada secara langsung atau tidak langsung, wajarkah ia dibenarkan atau dijadikan ikon pelancongan Negara? Di sinilah sistem nilai dan pertimbangan moraliti sesuatu masyarakat memainkan peranan yang sangat penting. Ini adalah kerana banyak pihak yang sering mengaitkan pengharaman judi dengan prinsip hak kebebasan beragama. Sedangkan sebagai mana yang telah dijelaskan sebahagian besar agama menganggap judi adalah kegiatan yang tidak bermoral dan keji, bagaimana pula ia boleh dianggap sebagai hak kebebasan beragama? Adakah hanya kerana prinsip Islam yang sangat tegas dalam mengharamkan judi maka ketegasan Islam itu tidak wajar dikenakan keatas penganut agama lain hingga ia boleh dianggap sebagai menyekat hak kebebasan beragama?

Pertimbangan tentang moraliti dan sistem nilai masyarakat berbilang kaum di negara ini tidak seharusnya dibiarkan terlalu terbuka dan bebas tanpa merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan. Perkara 3(1) Perlembagaan Negara dengan jelas memperuntukkan Islam sebagai Agama Negara – ISLAM is THE religion of Federation; Justeru sistem nilai dan pertimbangan

⁴ “Bebaskan dirimu dari kecintaan dunia (wang) dan berpadalah dengan apa yang kamu ada, kerana Tuhan telah mengatakan, ' Aku tidak akan tinggalkan kamu dan tidak akan membiarkan kamu (sentiasa menolongmu)'. (Hebrew 13:5)

dasar tentang prinsip moraliti masyarakat Negara ini seharusnya berpaksikan kepada Agama Negara (perkara 3(1)) ini.

Tafsiran Perkara 3 ini telah dijelaskan dalam keputusan beberapa kes mahkamah seperti *Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*⁵ dan *Meor Atiqurrahman v Fatimah Sihi*.⁶ Merujuk kepada kes *Lina Joy v Majlis agama Islam Wilayah Persekutuan & 1 Lagi*[2007] 4 MLJ 585, Mahkamah Persekutuan, memberi tafsiran yang lebih luas kepada Islam yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan memutuskan antara lain seperti berikut:

“Islam itu bukan sahaja suatu himpunan dogma-dogma dan ritual-ritual tetapi ianya adalah juga suatu cara hidup yang lengkap merangkumi semua bidang aktiviti manusia, persendirian atau awam, perundangan, politik, ekonomi, sosial, budaya, moral atau kehakiman.”

Walau apa pun dakwaan yang dilontarkan oleh pihak yang tidak selesa untuk “bernaung” di bawah prinsip Islam, adalah penting bagi kita untuk mengetahui bahawa mahkamah tertinggi Negara telah pun mengubah tafsiran Islam yang sempit yang diberikan oleh Tun Mohd Salleh Abas dalam kes Che’ Omar kepada tafsiran yang luas kerana Islam adalah agama Persekutuan seperti yang termaktub di bawah Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan.⁷

Agak pelik dan menghairankan apabila sesetengah pihak pada hari ini bersikap begitu pesimistik dan prejudis kepada prinsip Islam, sedangkan kemerdekaan Negara dan kemajuan ekonomi serta pembangunan yang dikecapi selama ini adalah hasil dari amalan prinsip “kemanusiaan” yang tinggi di kalangan umat Islam untuk bertoleransi hingga bersedia menerima semua pihak yang menduduki bumi Tanah Melayu tanpa mengira asal usul mereka sebagai warga negara Persekutuan Tanah Melayu.

Terdapat dakwaan yang menyatakan bahawa prinsip-prinsip Islam TIDAK BOLEH dilaksanakan ke atas orang bukan Islam kerana melanggar hak kebebasan asasi kerana Perkara 11 menyatakan secara jelas memperuntukkan bahawa **tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan**

⁵ [2007] 4 MLJ 585

⁶ [2006] 4 CLJ 1

⁷ Haji Mahamad Naser bin Disa, “Pelan Pengukuhan Kedudukan Islam Di Malaysia: Peranan Dan Cabaran Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara”, Konvensyen Pemacuan Transformasi Sistem Perundangan Islam Di Malaysia, anjuran IKIM dan MAIS pada 5-6 April 2011, m/s 6

agamanya dan, tertakluk kepada fasal (4), mengembangkannya.

Adakah hak kebebasan beragama orang lain akan terjejas apabila mengharamkan sesuatu aktiviti yang dijalankan atau menjadikan sesuatu aktiviti itu kelihatan negatif berlandaskan agama Islam? Hakikatnya, undang-undang tertinggi negara meletakkan agama Islam sebagai agama persekutuan⁸ tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Walau bagaimanapun, hak kebebasan beragama⁹ yang diberikan bukanlah sesuatu yang mutlak kerana terdapat sekatan bagi hak tersebut yang dinyatakan secara jelas dalam Perkara 11 (5) Perlembagaan Persekutuan. Dengan lain perkataan, walaupun golongan-golongan tersebut mempertahankan bahawa aktiviti perjudian itu merupakan suatu hak kebebasan beragama bagi orang bukan Islam, ia adalah jelas merupakan suatu perbuatan yang bercanggah dengan undang-undang dan prinsip moral yang tidak akan dilindungi di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan sebagai suatu hak kebebasan beragama. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

“Kebebasan beragama

11. (1) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.

(2) ...

(3) ...

(4) ...

(5) Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral.”

Judi : Kawalan dan Penguatkuasaan Undang-Undang

Judi menurut undang-undang di Malaysia adalah permainan yang berasaskan nasib atau kepandaian dan nasib bagi pertaruhan wang atau barang ganti wang dan termasuk sebarang permainan di bawah ruangan 1 Jadual Pertama dan Kedua Akta Rumah Perjudian.¹⁰ Perihal berhubung dengan judi ada diperuntukkan dalam beberapa akta antara lainnya ialah Akta Rumah

⁸ Bahagian 1 Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan “Agama bagi Persekutuan”

⁹ Bahagian 2 Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan “Kebebasan Beragama”

¹⁰ Seksyen 2 Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289]

Perjudian Terbuka 1953[Akta 289], Akta Pertaruhan 1953[Akta 495], Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961[Akta 494], Akta Loteri 1952 [Akta 288] dan lain-lain.¹¹ Berdasarkan akta-akta tersebut, aktiviti perjudian yang dibenarkan adalah perjudian yang mempunyai lesen atau permit. (“*Judi Halal*”). Sebagai contoh, Seksyen 27 Akta Rumah Judi Terbuka 1953 [Akta 289] dan Seksyen 3 Akta Loteri 1952 [Akta 288] memperuntukkan, antara lain seperti yang berikut:

“Saving

27. Nothing in this Act contained shall affect any lottery authorized or licenced under the provisions of the Social and Welfare Services Lotteries Board Act 1950–1962 [Act 252], or of the Lotteries Act 1952 [Act 288] or any sweepstake promoted by a racing club established in Peninsular Malaysia on the result of a horse race; and any reference in this Act to gaming or to a lottery shall be deemed not to include a reference to any form of gaming or to any lottery so authorized or licensed.”

“Lotteries unlawful except with permit of Minister of Finance

3. Subject to section 16, any lottery promoted or conducted without a permit granted by the Minister of Finance under this Act or otherwise than in accordance with this Act shall be unlawful.”

Selain itu, terdapat juga aktiviti perjudian yang tidak dibenarkan dan merupakan suatu kesalahan dalam kebanyakan akta tersebut.¹² Sebagai contoh, kesalahan berjudi dalam rumah¹³ telah

¹¹ Seksyen 27A Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289] dan Seksyen 4(a) and (c) Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 [Akta 494], Subseksyen 16(1) Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 [Akta 494], Seksyen 22 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 [Akta 494] Seksyen 2 Racing Club (Public Sweepstakes) Act 1965 [Act 404]

¹² “**Judi Haram**” - S.4(1)(a) dan (b), S.5 dan S.6(1) Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289] dan S.18 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] (**Judi Dalam Rumah**), S.7(2) Akta 289 (**Judi Tempat Bebas**), S.4A(a) dan S.9(1) Akta 289 (**Judi Ekor Haram**), S.4(1)(e) Akta 289 (**Judi Tikam-Tikam**), S. 4B Akta 289, S.5 Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563], S.10(1) Akta Loteri 1952 [Akta 288] dan S.3 Ordinan Hiburan Awam 1958 (**Judi Mesin Slot/jackpot/turfing/fruit machine**), S.4 Akta Pertaruhan 1953 [Akta 495], S.5 Akta 495 dan S.3 Akta Loteri 1952 [Akta 288] (**Judi atau Pertaruhan Atas Talian**)

¹³ Seksyen 2 Akta Pertaruhan 1953 [Act 495] mentafsirkan “*common betting house*” means—

(i) *any place kept or used for betting or wagering whether such betting or wagering, be in cash or on credit, on any event or contingency of or relating to any horse race or other sporting event or lottery to which the public or any class of the public has, or may have, access;*

(ii) *any place kept or used for habitual betting or wagering on any such event or contingency as aforesaid, whether the public has, or may have, access thereto or not; or*

diperuntukkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953[Akta 289]. Subseksyen 4(1)(a) dan (b), Seksyen 5 dan Seksyen 6(1) dan dalam Akta Pertaruhan 1953 [Akta495] (Seksyen 4, Subseksyen 6(1),(3) dan (4)).

Manakala, kesalahan berjudi bagi individu Islam pula diperuntukkan dalam Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Negeri-Negeri. Sebagai contoh Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]. Seksyen 18 menyatakan, antara lain seperti berikut:

“18. Berjudi

(1) Mana-mana orang yang berjudi, atau didapati berada di rumah judi, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam seksyen ini, "rumah judi" ertinya mana-mana premis, termasuk bilik, pejabat atau gerai, sama ada terbuka atau tertutup, yang digunakan atau disimpan bagi maksud perjalanan apa-apa permainan yang keputusannya bergantung kepada nasib atau campuran kemahiran dan nasib, sama ada dibenarkan oleh mana-mana undang-undang lain atau sebaliknya, untuk mendapatkan wang atau nilai wang.”.

Sementara itu, bagi kesalahan berhubung dengan Judi Ekor Haram pula, Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289] telah memperuntukkan mengenai kesalahan judi ekor haram dalam Subseksyen 4(A)(a) dan subseksyen 9(1)

“Assisting in carrying on public lottery, etc

4A. Any person who—

(a) assists in the carrying on of a public lottery;

(b)

(c)

(d) ...

Shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than

(iii) any place used by a bookmaker for the purpose of receiving or negotiating bets or wagers on any such event or

(iv) contingency as aforesaid, whether such bets or wagers reach the bookmaker by the hand of the person placing the bet or his agent or the bookmaker’s agent or through the telephone or the post or by telegram or by any other means”.

twenty thousand ringgit and not more than two hundred thousand ringgit and shall not be punished with imprisonment for a term not exceeding five years.”.

“Buying Lottery ticket

*9(1) Any person who either personally or by an agent pays or deposits any money or money’s worth to or with any person concerned in the business of a common gaming house as a stake or for or in respect of any event or contingency connected with a public lottery or buys a lottery ticket shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding *five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.*

...”.

Bagi kesalahan berhubung dengan Judi Mesin *Slot/jackpot/turfing/fruit machine*) pula, Seksyen 4B Akta Rumah Perjudian terbuka [Akta 289] menyatakan, antara lain seperti berikut:

“Offences relating to dealing in gaming machines

4B.*Any person who—*

(a) deals with or in any manner whatsoever transacts in, any gaming machine or any part of any gaming machine or any interest of any kind in any gaming machine or any replacement part for any gaming machine; or

(b) imports, manufactures, assembles, supplies, sells, assigns, charges, leases, hires, services, repairs, adapts or modifies, or carries out any combination of those activities in relation to, a gaming machine or any part of any gaming machine or any replacement part for any gaming machine, shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than ten thousand ringgit and not more than one Common Gaming Houses 11 hundred thousand ringgit for every gaming machine seized and shall also be punished with imprisonment for a term not exceeding five years.”

Selain itu, terdapat beberapa peruntukkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka [Akta 289] berhubung dengan kesalahan melakukan judi di tempat terbuka/ bebas yang menyatakan, antara lainnya seperti berikut:

“Gaming in public

7. (2) Any person gaming in any public place shall be guilty of an offence and shall, on

conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both; and all instruments or appliances for gaming seized under this section may be declared by the court before which the conviction is had to be forfeited to the Government and shall be dealt with accordingly.”.

“Instigating, promoting, or facilitating gaming in public

8. (1) Any person who instigates, promotes or intentionally facilitates the commission of an offence punishable under section 7 shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than twenty thousand ringgit and not more than two hundred thousand ringgit and shall also be punished with imprisonment for a term not exceeding five years.”.

Berdasarkan peruntukan-peruntukan di atas, adalah jelas bahawa terdapat undang-undang yang mengawal aktiviti-aktiviti perjudian di negara ini. Walaupun terdapat kawalan undang-undang, aktiviti perjudian yang dijalankan sama ada secara halal atau haram dilihat turut melibatkan bukan sahaja orang bukan Islam malah orang Islam. Memetik kepada beberapa keratan akhbar berhubung dengan isu judi yang melibatkan orang Islam baru-baru ini seperti **“90% pelanggan pusat judi Melayu”, “5 kaki judi ditahan JHEINS”, “Bapa bawa anak berjudi antara 18 ditahan JHEINS”, “Gila judi tidak kisah hilang setengah juta ringgit”** memperlihatkan penglibatan orang Islam dalam aktiviti judi haram. Kedegilan individu Islam untuk mematuhi Syariat Islam dan undang-undang telah mencabar kedudukan undang-undang sedia ada yang mengawal-selia aktiviti tersebut dan peranan badan penguatkuasa dan pelaksana undang-undang. Justeru, bagi membendung isu ini daripada terus berleluasa di kalangan masyarakat Islam, penguatkuasaan dan pelaksanaan mana-mana undang-undang atau peraturan berkaitan judi hendaklah mengambil kira Akta/Enakmen berkenaan. Pihak Majlis Agama Islam Negeri-Negeri berkewajipan menyelamatkan umat Islam yang terbabit dalam industri berkaitan judi. Selain daripada itu, hanya tempat-tempat khusus yang dilesenkan boleh menyediakan aktiviti perjudian ini yang khusus untuk orang bukan Islam. Ciri-ciri khusus bagi tempat-tempat berkenaan perlu dikenal pasti untuk menimbulkan rasa jijik dan kotor serta boleh dilihat oleh orang ramai.

Judi Sebagai Ikon Pelancongan Negara

Genting Highlands begitu sinonim dan dikenali sebagai antara destinasi pelancongan yang termasyhur yang dikunjungi oleh pelbagai golongan tidak kira sama ada pelancong daripada luar

negara atau di kalangan rakyat Malaysia. Ia bukan sekadar tempat yang indah untuk dilawati, malah pengunjung disajikan dengan pelbagai aktiviti yang berbentuk hiburan termasuk aktiviti yang melibatkan perjudian yang menjadi daya tarikan kepada pengunjung. Aktiviti perjudian ini umpama lubuk emas yang menghasilkan banyak keuntungan sekaligus menaikkan nama Genting Highlands sebagai antara pusat pelancongan yang terbesar dan paling diminati.

Hasil yang diperolehi daripada aktiviti perjudian yang dijalankan ini mencatatkan keuntungan yang begitu besar. Ini terbukti apabila negara menikmati hasil cukai berjumlah sebanyak RM2.37 billion daripada syarikat perjudian pada tahun 2008. Cukai yang dikenakan oleh kerajaan adalah berdasarkan subseksyen 6(1) Akta Eksais 1976 [Akta 176]¹⁴ dan kadar duti yang dikenakan bagi aktiviti perjudian adalah seperti yang terkandung dalam Perintah Duti Eksais 2004. Walaupun aktiviti perjudian berlesen yang dijalankan adalah sah dan tidak menyalahi undang-undang, persoalannya ialah ke manakah hasil keuntungan tersebut disalurkan dan bagaimanakah ia digunakan? Seksyen 2 Akta Cukai Perjudian 1972 [Akta 65]¹⁵ memperuntukkan cukai perjudian boleh dikenakan ke atas sesiapa yang terlibat dengan aktiviti perjudian yang dibenarkan oleh undang-undang dan hendaklah dipungut oleh penganjur perjudian dan dibayar ke dalam hasil Persekutuan. Ini adalah selaras dengan Butiran 4(l) Senarai Persekutuan Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bidang kuasa persekutuan ke atas undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan termasuklah perkara mengenai pertaruhan dan loteri. Seterusnya, perihal cukai perjudian yang dikenakan telah dinyatakan secara terperinci dalam Perintah Cukai Perjudian 1998 [P.U. (A) 406] seperti berikut:

“Cukai perjudian yang dikenakan

2. Mana-mana orang yang membuat suatu pertaruhan atau pelaburan daripada mana-

¹⁴ **“Power of Minister to fix the rates of excise duties**

6. (1) The Minister may from time to time, by order published in the *Gazette*, fix excise duties to be levied and paid on—

(a) any goods manufactured in Malaysia; or

(b) any goods imported into Malaysia,

and may prescribe the method according to which such duties shall be levied and paid”.

¹⁵ **“Cukai perjudian**

2. (1) Menteri Kewangan boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengenakan suatu cukai perjudian berkenaan dengan jumlah wang yang dibayar oleh sesiapa jua sebagai suatu pertaruhan atau suatu pelaburan berkenaan dengan apa-apa perjudian yang dibenarkan di bawah mana-mana undangundang berhubung dengan perjudian yang sedang berkuat kuasa.

(2) Sesuatu cukai perjudian yang dikenakan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar oleh orang yang membuat pertaruhan atau pelaburan itu dan hendaklah dipungut oleh penganjur perjudian yang dibenarkan itu dan hendaklah dibayar”.

mana kategori yang dinyatakan dalam Jadual kepada Perintah ini hendaklah membayar cukai perjudian seperti berikut:

- (a) jika harga pertaruhan atau pelaburan itu ialah satu ringgit atau kurang, cukai perjudian yang dikenakan atas tiap-tiap pertaruhan atau pelaburan itu hendaklah sebanyak lapan sen; dan
- (b) jika harga pertaruhan atau pelaburan itu lebih daripada satu ringgit, cukai perjudian yang dikenakan atas tiap-tiap pertaruhan atau pelaburan itu hendaklah pada kadar lapan sen bagi tiap-tiap satu ringgit atau sebahagian daripadanya.”.

Dalam hal ini, adalah jelas bahawa sebahagian besar hasil cukai perjudian ini telah menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi negara sekaligus menjana sumber pendapatan negara seperti mana hasil kutipan cukai arak.

Judi: Hak Kepada Amalan Syaitan

Judi merupakan suatu amalan jijik yang dipengaruhi oleh amalan syaitan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Surah Al-Maidah: 90 yang berbunyi seperti berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi dan (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, **adalah perbuatan keji termasuk perbuatan Syaitan.** Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.”.

Allah memperlihatkan bahawa perbuatan judi itu adalah suatu amalan syaitan dan larangan mendekatinya yang mana akibat daripada amalan syaitan ini membawa kepada kerosakan dan keruntuhan akhlak dan moral bukan sahaja kepada individu terbabit, malah kepada kaum keluarga dan masyarakat. Amalan judi mendorong kepada sifat dendam, permusuhan, pergaduhan, tamak dan rakus yang menginginkan kesenangan dan kekayaan secara mudah tanpa usaha yang dibenarkan oleh hukum Syarak serta dikaburi dengan keuntungan yang besar. Seterusnya amalan tersebut turut menjerumuskan orang yang terlibat ke dalam lembah maksiat

dan lalai daripada menunaikan tanggungjawabnya terutama kepada Allah.¹⁶ Malah, terdapat individu yang terlibat dengan perkara-perkara yang khurafat seperti berjumpa dengan bomoh, mengunjungi kuburan bagi mendapatkan nombor ekor, mendapatkan nombor kenderaan yang terlibat dalam kemalangan, mendapatkan nombor daripada mimpi dan sebagainya, untuk berjudi kerana menganggap ia membawa tuah dan membawa keuntungan.

Selanjutnya, aktiviti perjudian ini turut menyebabkan penjudi akan sentiasa terbelenggu dengan hutang terutamanya bagi penjudi yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Ramai yang terperangkap dengan beban hutang sehinggakan mereka terpaksa memohon pinjaman peribadi dengan bank, *Ah Long* dan ceti haram untuk melangsaikan hutang tersebut. Ini dibuktikan dengan statistik daripada Bank Negara Malaysia pada bulan Ogos 2009, pinjaman peribadi rakyat Malaysia dalam sistem perbankan meningkat kepada RM5215 bilion berbanding RM4106 bilion pada bulan yang sama bagi tahun 2008. Seterusnya, akhbar bertarikh 9 November 2009 turut melaporkan seramai 35000 pengguna menanggung hutang bernilai RM1.9 bilion telah mengikuti program pengurusan kredit di bawah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sehingga Oktober 2009. Kegiatan judi yang berleluasa ini dilihat telah merancakkan lagi pertumbuhan agensi pemberi pinjaman *Ah Long*. Kenyataan ini disokong oleh Ketua Biro Pengaduan Awam MCA, Datuk Micheal Chong yang menyatakan bahawa pada tahun 2005 tidak kurang 1600 *Ah Long* dikesan beroperasi dan tahun lalu ia bertambah kepada lebih 4000 orang. Memetik kepada kenyataannya yang berbunyi seperti berikut:

“Sepanjang enam bulan tahun ini sahaja lebih 2200 operasi *Ah Long* dikesan hasil kira-kira 300 kes mangsa yang tampil mengadu,” jelasnya.¹⁷

Cadangan Penyelesaian

Tujuan penggubalan akta-akta sedia ada yang membenarkan sebahagian aktiviti judi di negara ini adalah jelas hanya untuk menghormati hak sebilangan warganegara bukan Islam dan tidak wajar untuk dijadikan sebagai suatu industri yang menjana pendapatan negara atau institusi pembangunan sosial yang menjadi rutin dan kebudayaan masyarakat yang diiktiraf oleh negara¹⁸.

¹⁶ *Fiqh Jenayah Islam*. Abu Mazaya al-Hafiz dan Abu Izzat al-Sahafi. m/s 521-522.

¹⁷ *Judi dan Kesannya Kepada Masyarakat*. <http://www.rakanmasjid.com>.

¹⁸ “*Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga Rang Undang-Undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan)*”. Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15, Hari Isnin bersamaan 11hb Disember 1989.m/s 91-93.

Dalam hal ini, Kerajaan perlu mengambil peranan utama untuk membetulkan semula paradigma masyarakat pada hari ini berhubung dengan aktiviti judi “halal” seperti yang terkandung dalam undang-undang dan dasar ekonomi negara bahawa ia adalah khusus untuk warganegara bukan Islam. Malah, hasil pendapatan yang dikaut daripada kutipan cukai perjudian tidak wajar disalurkan ke akaun perbendaharaan umum tetapi hendaklah diasingkan untuk manfaat masyarakat bukan Islam sahaja.

Selain daripada mengubah paradigma masyarakat, langkah pengawalan dan pencegahan dari sudut undang-undang juga perlu ditambah baik. Undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan judi adalah terkandung dalam pelbagai akta seperti Akta Pertaruhan 1953 [Akta 495], Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289], Akta Cukai Perjudian 1972 [Akta 65], Akta Loteri 1952 [Akta 288], Akta Pertaruhan Pool 1967 [Akta 384], Akta Eksasis 1976 [Akta 176], Akta Perlumbaaan (Lembaga Totalisator) 1961 [Akta 494] dan Akta Duti Pertaruhan Dan Ambil Tagan 1948 [Akta 201]. Dalam hal ini, terdapat keperluan untuk menyatukan dan memperkemas semua undang-undang tersebut di bawah satu akta sahaja agar pengawalan dan penguatkuasaan kegiatan judi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, teratur dan selaras.

Undang-undang yang dicadangkan hendaklah bersifat sebagai undang-undang kawalan dan penguatkuasaan yang bertujuan untuk mengawal kegiatan judi yang dibenarkan oleh kerajaan bagi kepentingan golongan bukan Islam dan untuk menguatkuasa serta membendung aktiviti judi yang menjadi suatu kesalahan atau kegiatan judi yang dilakukan oleh orang Islam. Cadangan undang-undang kawalan judi ini bolehlah berperanan dan berkuatkuasa seperti Akta Jualan Dadah 1952 (Disemak 1989) [Akta 368], Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 (Disemak 2006), Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) [Akta 234] dan Peraturan-peraturan Dadah Berbahaya 1952 yang mengawalselia penggunaan dadah yang berbahaya seperti candu masak (*prepared opium*), kanabis dan resin kanabis dan aktiviti perniagaan yang melibatkan dadah-dadah berbahaya tersebut¹⁹. Oleh yang demikian, cadangan undang-undang kawalan judi ini bolehlah berperanan untuk mengawalselia dan membendung aktiviti perjudian di kalangan orang Islam yang menjadi satu kesalahan di bawah akta/enakmen kesalahan jenayah Syariah Wilayah Persekutuan/Negeri-Negeri. Bagi tujuan ini, adalah dicadangkan dalam undang-

¹⁹ Rujuk Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif di www.pmo.gov.my/ucapan berhubung dengan *Pembentangan Rang Undang-Undang Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1986 (Bacaan kali yang kedua)* di Dewan Rakyat oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad pada 4 Disember 1986.

undang kawalan judi ini agar ditetapkan dan dihadkan penempatan khusus untuk aktiviti judi dan kegiatan lain yang dianggap sebagai hak bagi masyarakat bukan Islam tetapi diharamkan menurut agama Negara seperti arak dan pelacuran bagi memenuhi hak orang bukan Islam.

Cadangan undang-undang kawalan judi ini hendaklah melarang sebarang kegiatan yang berkaitan dengan judi di kalangan umat Islam. Oleh itu, larangan tersebut perlu juga dimasukkan dalam Akta/cadangan undang-undang kawalan berkenaan dan bukan dikanunkan secara berasingan dalam Akta/Enakmen kesalahan jenayah Syariah semata-mata.

Selain itu, cadangan undang-undang kawalan judi ini diperlukan adalah untuk menyelaraskan hukuman bagi semua kesalahan yang berkaitan dengan judi. Ini kerana hukuman bagi kesalahan yang berkaitan dengan judi terletak di bawah akta-akta yang berasingan mengikut kategori judi. Antara contoh kepelbagaian penalti bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan judi adalah seperti yang diperuntukkan di bawah—

(i) subseksyen 4(1) Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289] iaitu hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan rumah judi terbuka (**denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak melebihi RM 50,000 dan pemenjaraan tidak melebihi 3 tahun dan sebagai tambahan denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak melebihi RM 50,000 bagi setiap mesin yang dirampas**);

(ii) subseksyen 4(1) Akta Pertaruhan 1953 [Akta 495] iaitu hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan rumah pertaruhan terbuka dan pusat bagi maklumat pertaruhan (**denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak melebihi RM 200,000 dan pemenjaraan tidak melebihi 5 tahun**);

(iii) subseksyen 10(1) Akta Loteri 1952 [Akta 288] iaitu hukuman bagi kesalahan mempromosi judi tanpa permit atau kesalahan menjalankan aktiviti judi yang melanggar syarat-syarat permit (**pemenjaraan tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali**); dan

(iv) subseksyen 5(1) Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563] iaitu hukuman bagi

mengubah kandungan dan fungsi asal komputer kepada mesin judi (**denda tidak melebihi RM100,000 atau pemenjaraan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali atau denda tidak melebihi RM150,000 atau pemenjaraan tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekiranya kesalahan ini dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditafsirkan oleh Kanun Keseksaan**).

Dengan mewujudkan suatu undang-undang kawalan judi, penalti yang ditetapkan bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan judi yang sama tahap keseriusannya boleh diselaraskan dan penguatkuasaan undang-undang akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Selain itu, adalah dicadangkan agar penambahan hukuman bagi kesalahan yang berkaitan dengan aktiviti judi yang serius seperti aktiviti judi yang melibatkan jenayah *Ah Long* dan sindiket kongsi gelap perlu dilakukan dengan memperkenalkan hukuman seperti peningkatan bilangan sebat mandatori, pemanjangan tempoh pemenjaraan mandatori atau kenaikan hukuman denda agar undang-undang tersebut dapat mencegah seterusnya membasmi kegiatan judi yang boleh membawa kepada kemudaratan yang besar. Kepentingan untuk meningkatkan dan mengetatkan hukuman bagi kesalahan aktiviti judi haram yang menyumbang kepada jenayah yang lebih buruk ini pernah dibincangkan dengan teliti di sidang Dewan Negara pada tahun 1989.²⁰ Antara rasional peningkatan hukuman tersebut adalah untuk menghentikan operasi pemindahan sindiket-sindiket judi yang melibatkan perjudian dengan nilai wang yang besar di Singapura dan negara-negara berhampiran ke negara ini. Pemindahan sindiket-sindiket judi tersebut ke Malaysia adalah untuk mengelakkan hukuman yang amat ketat di negara-negara tersebut berbanding dengan hukuman yang masih rendah di negara ini. Malah, kadar mata wang di negara ini begitu rendah jika hendak dibandingkan dengan sindiket judi tersebut yang mencecah pertaruhan berbilion Dolar Amerika.²¹ Walaupun cadangan kenaikan penalti bagi sindiket judi ini telah ditingkatkan menerusi pindaan Akta Rumah Perjudian Terbuka pada tahun 1989, keperluan untuk mengetatkan lagi undang-undang yang mengawal dan mencegah aktiviti judi haram pada masa kini adalah amat tinggi sesuai dengan peredaran zaman dan perkembangan teknologi yang banyak mengubah dan mempengaruhi sindiket tersebut. Oleh yang demikian,

²⁰ "*Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga Rang Undang-Undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan)*". Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15, Hari Isnin bersamaan 11hb Disember 1989.m/s 85-86.

²¹ *Ibid*, m/s 87.

cadangan hukuman sebat atau pemenjaraan mandatori dilihat mampu mencetuskan kegerunan dan ketakutan kepada pesalah seterusnya memberi pengajaran kepada orang lain untuk tidak melakukan kesalahan yang sama. Cadangan penambahan hukuman ini juga dapat membanteras dan menghentikan budaya negatif yang lahir daripada aktiviti judi seperti kejatuhan ekonomi rakyat, keruntuhan institusi kekeluargaan yang menjadi punca peningkatan gejala sosial di kalangan generasi muda.

Kesimpulan

Berdasarkan apa yang telah dibincangkan di atas, jelas dapat dilihat bahawa undang-undang yang menjadi garis panduan berhubung dengan judi adalah diperuntukkan dalam pelbagai akta. Namun, kewujudan undang-undang tersebut adalah bersifat umum dan tidak mencukupi untuk mengawal aktiviti-aktiviti perjudian daripada terus berleluasa. Justeru, adalah menjadi suatu keperluan yang mendesak kepada kewujudan/penggubalan suatu bentuk kawalan dan selian undang-undang khusus berkenaan judi bagi tujuan penambahbaikan undang-undang dalam usaha menyelesaikan isu-isu berbangkit.

Usaha untuk menggubal undang-undang kawalan judi seperti yang diharapkan oleh semua pihak ini memakan masa yang panjang dan memerlukan kepada komitmen semua pihak yang berkenaan bagi bersama-sama menyumbang idea dan pandangan bagi mendraf rang undang-undang tersebut. Semoga dengan usaha dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak akan dapat menghindarkan diri khususnya dan masyarakat umumnya daripada amalan-amalan syaitan yang akan meruntuhkan akidah masyarakat Islam dan pembangunan negara.

LAMPIRAN 1

Isu Mengenai Perjudian Haram

9 June 2010

**KENYATAAN AKHBAR OLEH
Y.B. TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI,
DATO' LEE CHEE LEONG,
MENGENAI PERJUDIAN HARAM
09HB JUN 2010**

Secara umumnya, perjudian haram atas talian atau online gambling banyak dijalankan terutamanya menjelang Piala Dunia yang akan bermula 3 hari lagi. Terdapat dua (2) bentuk perjudian on-line iaitu on-line casino dan on-line sports betting. Sindiket perjudian ini berpusat di luar negara dan ejen-ejen dalam negara ini beroperasi tanpa lesen. Sindiket ini mengenakan caj yang tinggi untuk mengaut keuntungan beratus juta ringgit.

Justeru, Kementerian Dalam Negeri memandang serius dan tegas dalam memerangi perjudian haram ini. Kementerian memberikan amaran keras kepada masyarakat supaya tidak menyertai sebarang aktiviti perjudian.

Untuk makluman, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas (Task Force) untuk memantau dan mengambil tindakan pembanterasannya terhadap kegiatan perjudian haram ini. Pihak polis akan menambah operasi serbuan di premis perjudian dan membuat tangkapan serta rampasan.

Di peringkat antarabangsa pula, PDRM telah bekerjasama dengan INTERPOL dalam membanteras sindiket antarabangsa yang terlibat dengan perjudian di negara-negara ASEAN.

Pada tahun 2009, pihak berkuasa PDRM telah berjaya menumpaskan lima (5) sindiket perjudian loteri awam haram tempatan di beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Kelantan, Johor, Kuala Lumpur, Perak dan Sabah. Sebanyak tiga belas (13) serbuan telah dijalankan dan jumlah rampasan dianggarkan bernilai RM191,934.00 termasuk komputer, telefon bimbit, wang tunai dan cek. Anggaran pertaruhan adalah sebanyak RM870,00.00 sehari atau RM10.44 juta sebulan atau RM125.28 juta setahun.

Bagi sindiket perjudian atas talian (online gambling) pula, PDRM telah berjaya:

Mengadakan sebanyak 21,985 serbuan sejak tahun 2008 sehingga April 2010;

Membuat 15,106 tangkapan sejak tahun 2008 sehingga April 2010; dan

Merampas 112,276 komputer sejak tahun 2008 sehingga April 2010.

Kementerian Dalam Negeri tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang serius terhadap sindiket-sindiket perjudian dan orang perseorangan yang didapati bersalah di bawah:

Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289);

Akta Pertaruhan 1953;

Akta Jenayah komputer 1977;

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;

Hukuman yang boleh diambil di bawah akta-akta yang dinyatakan termasuklah hukuman penjara maksimum 5 tahun dan denda maksimum RM200,000.00 terhadap penjudi dan penganjur mesin perjudian.

Selain itu, tindakan keras di bawah undang-undang pencegahan iaitu Akta Kediaman Terhad 1933, Ordinan Darurat 1959 dan Akta Pengubah Wang Haram (Pembiayaan Keganasan) 2007 juga boleh dikenakan dengan arahan perintah sekatan ataupun perintah tahanan terhadap penjudi dan penganjur mesin perjudian.

Kementerian Dalam Negeri akan mempertingkatkan penguatkuasaan dan perundangan dalam membanteras perjudian haram ini dengan kerjasama semua Jabatan/Agensi/Kementerian. Kementerian sentiasa berusaha untuk memelihara hak asasi masyarakat dan pada masa yang sama membantu mengekalkan keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam. Kementerian juga mengalu-alukan orang ramai untuk memberikan maklumat berkenaan sindiket perjudian dengan menghubungi Rakan Cop di talian 03-2115 9999 dan Bilik Kawalan MCC Bukit Aman di talian 03-22663333/ 3444).

Terima Kasih.

Dato' Lee Chee Leong

Timbalan Menteri Dalam Negeri

Kementerian Dalam Negeri

LAMPIRAN 2

Status Industri Judi Di Malaysia – “Menghalalkan Yang Haram”

Kertas Asas disediakan oleh TERAS Pengupayaan Melayu Dengan kerjasama Majlis Perundingan Pertubuhan Malaysia

Fakta

Walaupun loteri kebajikan masyarakat di tutup beroperasi pada 1991, namun kerana Malaysia mempunyai lebih dari 40 jenis judi, tabiat berjudi terus merebak dalam kalangan masyarakat.

Judi sebagai satu industri yang dilesenkan sejak 1971

Kini wujud lebih daripada 1200 premis judi di seluruh negara. Hanya Kelantan sahaja yang tidak

mempunyai premis judi.

Aliran wang rakyat kepada judi kini lebih dari 1.4 bilion setahun. Dalam seminggu di sesebuah daerah wang judi yang mengalir adalah RM1.2 juta – Rm 3.6 juta.

Pada 1988 cukai judi RM 1.071 bilion : RM 499.8 juta dari Magnum Corporation Bhd. Rakyat berbelanja RM 1 bilion melalui judi berlesen dan RM 5 bilion tanpa lesen.

Big Sweep dikendalikan oleh Kelab Lumba Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Pan Malaysia Sweep Sdn. Bhd. Di sabah lesen judi diberi kepada Diriwinn Corporation manakala Diriwinn Corp. pula melantik Lotteries Corp. yang mengendalikan cabutan dan melantik 100 agen. Jenis judi yang ditawarkan ialah 3 digit, 4 digit dan loteri TOTO. Tahun 1989 timbul Sabah Sweep Takes dengan hadiah RM 2 juta.

Kini industry judi tumbuh seperti cendawan lepas hujan. Yang mengaut keuntungan adalah syarikat judi. Kerajaan tidak member amaran sedikit pun akibat dari gejala berjudi. Semacam ada konspirasi dari syarikat judi dengan pihak berkuasa yang member keuntungan kepada kedua pihak.

7 Syarikat Judi di Malaysia adalah:

1. Genting Berhad (Kasino)
2. Resort World Berhad (Pusat Hiburan dan Perjudian)
3. Magnum Corporation (Nombor 4 Ekor Loteri)
4. Metroplex Berhad (Subic Bay Casino)
5. Leisure Management Berhad (4 Nombor Ekor dan Lumba Kuda)
6. Berjaya Sport Toto (4 Nombor Ekor dan Ramalan Nombor)
7. Tanjong Public United Company (Lumba Kuda)

Kerajaan Malaysia dan Judi

Keuntungan syarikat judi jauh lebih besar berbanding Telekom, TNB, serta Maybank.

Keuntungan berjudi tidak merosot walaupun dalam keadaan krisis seperti 1997. Syarikat judi tetap mengaut keuntungan RM 771 juta.

Pelaburan secara tidak langsung atau perantara oleh kerajaan dalam saham judi adalah:

Menteri Kewangan
Amanah Raya Berhad
EPF
Bank Negara
PNB

Bentuk dan Amalan Judi di Malaysia.

1. Perjudian Siber

1. Perjudian laman web,
2. Perjudian melalui perisihan
3. Perjudian di kafe siber
4. Casino on Net
5. Judi SMS
2. Perjudian atas kapal
3. Loteri

4. Kasino di pekan Danok (pertaruhan dalam RM dan 3,000 rakyat Malaysia sebulan berjudi di situ)

5. Perjudian bergerak
6. Perjudian di kedai kopi
7. Sindiket berjudi
8. Kasino di Genting
9. Nombor ekor
10. Lumba Kuda
11. Pertaruhan dalam sukan
12. Pertaruhan dalam pilihanraya
13. Mesin permainan video
14. Judi untuk kanak-kanak (tikam-tikam dan mesin slot)
15. Permainan domino, dadu Cina atau Inggeris.

Ahli Lembaga Syarikat yang melibatkan orang Melayu:

1. TS Tun 2. TS 3. TS Mohd 4. TS A 5. TS Mohd A 6. TS J 7. Dato' S
8. TS A 9. TS W 10. Mohd. 11. YAM Tengku

Industri Judi: Mitos para pendokong judi

1. Judi adalah hak peribadi
2. Judi memenuhi tuntutan orang bukan Islam di Malaysia
3. Judi wujud kerana adanya permintaan yang tinggi untuk berjudi dalam kalangan masyarakat
4. Judi berlesen akan menghapuskan judi tidak berlesen.
5. Jika judi diharamkan akan mengurangkan hasil kerajaan
6. Memenuhi permintaan pelancong
7. Jika judi diharamkan akan timbul masalah pengangguran
8. Membeikan judi adalah strategi politik orang Melayu untuk terus berkuasa kerana memenuhi tuntutan orang Cina.

Akibat Judi

1. Negara 2. Generasi muda dan kanak-kanak 3. Institusi keluarga 4. Budaya hutang
5. Pelbagai masalah sosial 6. Jenayah 7. Kualiti hidup masyarakat berpendapatan rendah.

Agenda Bertindak

1. Mewujudkan badan bertindak peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.
2. Perhimpunan Anti Judi (pusat, qariah, daerah dan negeri)
3. Anjur Forum Anti Judi Merentas Kaum
4. Menghantar memorandum kepada Raja dan kerajaan
5. Tulis surat kepada semua kerajaan negeri dan pusat untuk haramkan judi secara total
6. Wujudkan pasukan pemantau judi dalam masyarakat
7. Kempen mencegah dan mendidik masyarakat untuk menentang judi
8. Membantah sebarang penajaan, promosi dan pengiklanan mana-mana syarikat yang terlibat dengan judi
9. Menulis surat mendesak semua GLC keluar dari pelaburan judi secara langsung atau tidak langsung.
10. Edar risalah di hadapan semua premis judi.

11. Menyenaikan agenda bertindak di semua peringkat:

1. Kerajaan
2. Pihak berkuasa tempatan
3. Sekolah
4. Ibu bapa
5. Parti politik
6. Semua ADUN dan MP
7. NGO
8. Mahasiswa

Pihak berkuasa yang berkaitan dengan Judi

1. Kerajaan Persekutuan
2. Kerajaan Negeri
3. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
4. Pihak Berkuasa Tempatan
5. Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat
6. Jawatankuasa Kabinet mengenai masalah sosial
7. PDRM
8. Kementerian Kewangan
9. Kementerian Tenaga, Telekom dan Multimedia
10. Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.

Mohd Azmi Abdul Hamid

Pengerusi GMJ/Presiden TERAS / Setiausaha Agung MAPIM

Syarikat Perjudian	Kutipan Tahun 2008 (RM)
Genting Malaysia Berhad	949,802,170
Sport Toto	509,739,584
Magnum Corporation	396,477,793
Pan Malaysia Pools	270,764,197
Pan Malaysia Racing	138,576,130
Daily One Corporation	18,082,749
Sandakan Turf Club	18,182,034
Sarawak Turf and Equestrian Club	29,776,000
JUMLAH	2.37 BILION

LAMPIRAN 3

Top-10 casinos by number of employees

Casino de Genting is just part of the resort that calls itself the “City of Entertainment” and apparently the price for living up to that name is the employment of 13,000 workers.

This striking property features much more than gambling. Located 6,000 feet above sea level, Casino de Genting is home to 29 restaurants as well as a theme park that includes a Ripley’s Believe It or Not! Museum, a wind-turbine sky diving simulator, a hand-gliding roller coaster

and a Rain Forest Splash Pool. There is also a Cineplex, bowling alley and a championship golf course on site.

Six hotels with more than 6,000 rooms also make Casino de Genting the casino with the most guest rooms in the world.

As for the gaming experience, the 200,000 square feet of casino space is filled with electronic table games, slots machine as well as table games such as roulette, Pai Gow, Baccarat and blackjack. There's also the themed outlet called @Latté that offers cutting edge slot machines all while brewing up some of the finest coffee in Asia.

Top-10 largest casinos by number of employees

- 1.) Casino de Genting (Malaysia) – 13,000**
- 2.) Foxwoods Resort Casino (Connecticut) – 10,220
- 3.) Mohegan Sun Casino (Connecticut) – 10,000
- 4.) Bellagio (Las Vegas) – 9,700
- 5.) MGM Grand (Las Vegas) – 9,000
- T-6.) Mandalay Bay (Las Vegas) – 8,000
- T-6.) Sands Macao (China) – 8,000
- 8.) Caesar's Palace (Las Vegas) – 7,500
- 9.) Borgata (Atlantic City) – 7,000
- 10.) Atlantis Resort and Casino (Bahamas) – 6,500

Source: [Casino City](#)

Rujukan

Perlembagaan Persekutuan

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]

Akta Pertaruhan 1953 [Akta 495]

Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289]

Akta Cukai Perjudian 1972 [Akta 65]

Akta Loteri 1952 [Akta 288]

Akta Pertaruhan Pool 1967 [Akta 384]

Akta Pertaruhan 1953 [Akta 495]

Akta Eksasis 1976 [Akta 176]

Akta Perlumbaaan (Lembaga Totalisator) 1961 [Akta 494]

Akta Duti Pertaruhan Dan Ambil Tagan 1948 [Akta 201]

Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563]

Akta Kelab Lumba Kuda (Ambil Tagan Awam) 1965 [Akta 404]

Al-Quran, Surah Al-Maidah: 90

Al-Quran, Surah Al-Baqarah: 219

Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan [2007] 4 MLJ 585

Meor Atiqulrahman Ishak & Ors v. Fatimah Sihi & Ors [2006] 4 CLJ 1

“Fiqh Jenayah Islam”. Abu Mazaya al-Hafiz dan Abu Izzat al-Sahafi. m/s 521-522

“Judi dan Kesannya Kepada Masyarakat”. <http://www.rakanmasjid.com>

Mohamed Azam Mohamed Adil. Artikel bertajuk *“Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam”*. Jurnal Syariah. 11:1 Tahun 2003

Haji Mahamad Naser bin Disa. *“Pelan Pengukuhan Kedudukan Islam Di Malaysia: Peranan Dan Cabaran Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara”*. Konvensyen Pemacuan Transformasi

Sistem Perundangan Islam Di Malaysia, anjuran IKIM dan MAIS pada 5-6 April 2011, m/s 6

Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15, Hari Isnin bersamaan 11hb Disember 1989. *“Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga Rang Undang-Undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan)”*

Pembentangan Rang Undang-Undang Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1986 (Bacaan kali yang kedua) di Dewan Rakyat oleh Y.A.B. Dato’ Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad pada 4 Disember 1986